



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	KUASA MAQIS AKAN DIPERLUAS, NASIONAL, SH -12 PINDAAN AKTA PERLUAS KUASA MAQIS, MUKA DEPAN, BH -1 AYAM BEKU PUSAT SEMBELIH TAK SAH, LOKAL, HM -2 RAMPASAN KALI KEDUA AYAM BEKU, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -18 TIADA ADUAN WUJUD KILANG KARTEL DAGING DI KEDAH, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -18 PINDA AKTA, BERI MAQIS LEBIH KUASA, NASIONAL, BH -16 CUBAAN SELUDUP 31 TAN AYAM SEJUK BEKU DIGAGALKAN, NASIONAL, BH -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	PENGUSAHA BOT RAYU DIBENAR TURUN LAUT, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10. 11.	TASIK BUKIT MERAH TAPAK SANTUASI KELISA EMAS, PN, HAKAKAH -H18 TANAMAN MUSNAH, PETANI RAYU BANTUAN, FORUM, UM -19 CUJACA TIDAK MENENTU, HARGA SAYUR MENINGKAT, TINJAUAN BARANGAN, HAKAKAH -H9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kuasa Maqis akan diperluas

SHAH ALAM - Kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) akan diperluaskan bagi menangani isu penyeludupan produk pertanian termasuk bekalan daging import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, kerajaan sedang menyemak pindaan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Menurutnya, beliau menjangkakan aspek penguatkuasaan dan isu penyeludupan produk pertanian akan lebih berkesan serta mampu ditangani menerusi pindaan akta tersebut.

“Maqis pada masa ini hanya berkuasa di pintu masuk iaitu laut, darat dan udara bagi pemeriksaan produk pertanian.

“Kita dalam peringkat pemeriksaan membabitkan pindaan akta itu untuk memperluaskan tanggungjawab serta kuasa Maqis dan berharap ia dapat disegerakan (selepas Parlimen bersidang),” katanya dipetik dalam laporan portal berita pada Khamis.

Terdahulu, beberapa serbuan dilaksanakan agensi penguatkuasaan termasuk Maqis Pulau Pinang yang merampas daging kambing dari New Zealand tanpa logo halal diiktiraf seberat 22,861 kilogram bernilai lebih RM480,000 di Terminal Kontena Butterworth Utara.

Menjawab persoalan tersebut, Ahmad berkata, beliau tidak menolak kemungkinan syarikat pengimport mencuba nasib membawa masuk bekalan tidak diiktiraf termasuk logo halal susulan permintaan tinggi di negara ini.

Beliau berkata, tahap sara diri da-



AHMAD

ging negara ketika ini hanya 23 peratus sehingga menyebabkan terpaksa bergantung kepada daging import bagi menampung permintaan.

“Permintaan ketika ini tinggi sebab ramai orang makan di rumah. Atas sebab ini, kita membuka peluang kepada mana-mana syarikat untuk memohon permit import (AP) bagi tujuan mengimport bekalan.

“Kita tidak mempunyai had dalam memberikan AP dalam kalangan syarikat namun perlu memenuhi syarat ditetapkan,” katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, pemeriksaan tetap dilaksanakan secara ketat khususnya di pintu masuk bagi memastikan pemegang AP mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Sehingga kini, katanya, terdapat sebanyak 318 syarikat pengimport yang berdaftar secara pentadbiran dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sehingga Disember lalu dengan 125 daripadanya ialah syarikat bumiputera.

Tambah beliau, JPV bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meninjau lokasi loji penyembelihan di luar negara sebelum disahkan bagi tempoh satu hingga tiga tahun.

“Ia adalah usaha kerajaan dalam memastikan bekalan produk pertanian yang dibawa masuk ke negara ini mengikut piawaian ditetapkan.


“Dari masa ke masa, wakil badan Islam di negara berkenaan dilantik untuk melakukan pemantauan secara berkala. Ia bagi memastikan protokol import yang dipersetujui dipatuhi bersama. Ini sudah diamalkan dan ditambah baik sejak tahun 2016,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

Pindaan akta perluas kuasa MAQIS

Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 akan dipinda bagi memperluaskan bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Langkah itu bertujuan meningkatkan keberkesanan usaha membanteras kegiatan penyeludupan produk pertanian, termasuk daging import.

Muka 16



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	2

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Gajah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah sekali lagi berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 31 tan ayam sejuk beku bernilai lebih RM187,000 dari Thailand pada Selasa lalu.

Pada kejadian jam 2.20 petang, lori kontena membawa ayam yang sudah dipotong dan diisi ke dalam 2,600 kotak itu ditahan di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Pengarahnya, Lily Rosalind Paul berkata, pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import selain dipercayai dibawa dari pusat penyembelihan tidak diiktiraf serta meragukan.

"Kes diasiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin

AYAM BEKU PUSAT SEMBELIH TAK SAH

Maqis Kedah sekali lagi patahkan cubaan untuk bawa masuk bahan makanan bernilai RM187,000 dari Thailand



MAQIS Kedah merampas 2,600 kotak keratan ayam sejuk beku dianggarkan bernilai RM187,000 yang cuba diseludup dari Thailand, Selasa lalu.

dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Menurutnya Maqis komited dalam memastikan produk pertanian dan makanan yang diimport terpelihara, terutama membabitkan aspek halal.

Minggu lalu, Maqis merampas lebih 61 tan ayam sejuk beku bernilai lebih RM495,000 yang cuba diseludup dari Thailand ke negara ini, juga melalui ICQS Bukit Kayu Hitam.



Rampasan kali kedua ayam beku

Libatkan rampasan seberat 31 tan selepas rampasan pertama seberat 61 tan pada Ahad

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR

BUKIT KAYU HITAM

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan membawa masuk keratan ayam sejuk beku seberat 31,200 kilogram (kg) dari Thailand yang tidak mematuhi syarat import pada Selasa lalu.

Rampasan tersebut merupakan kali kedua selepas rampasan pertama melibatkan anggaran berat 61,932kg bernilai hampir setengah juta ringgit di Kompleks Imigresen, Kastam,

Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini pada 24 Januari lalu.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, rampasan kali kedua tersebut dilakukan di sebuah kontena pada jam 2.20 petang dengan nilai anggaran sebanyak RM187,210.03.

"Hasil pemeriksaan ke dalam kontena tersebut mendapati sebanyak 2,600 kotak keratan ayam sejuk beku yang disusun. Kontena dan ayam sejuk beku itu ditahan untuk tindakan susulan.

"Kesemua ayam sejuk beku itu tidak mematuhi syarat import kerana dipercayai dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf dan meragukan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Lily Rosalind berkata, kegagalan untuk mengemukakan maklumat tersebut adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemerik-



Ayam sejuk beku yang dirampas Maqis di ICQS Bukit Kayu Hitam pada Selasa.

saan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15(2) akta yang sama," katanya.

Menurutnya, Maqis sangat komited dalam memastikan isu melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan pe-

nyakit dan risiko kemasukan perosak dari luar negara dapat diatasi sebaik mungkin.

"Maqis tidak akan memandang mudah terhadap perkara ini dalam memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar," katanya.

Tiada aduan wujud kilang kartel daging di Kedah

KUALA LUMPUR - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah memohon orang ramai menyalurkan maklumat jika wujud gudang melibatkan kartel daging sejuk beku di negeri itu.

Ia susulan kejayaan Maqis menggagalkan cubaan membawa masuk ayam sejuk beku dari Thailand bernilai RM495,608 di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS)

Bukit Kayu Hitam pada Ahad lalu.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, setakat ini tiada aduan diterima berkenaan wujudnya gudang atau kilang kartel di negeri Kedah.

"Kita memang memandang serius setiap produk yang dibawa masuk terutama membabitkan produk daging.

"Setiap kemasukan kontena yang membawa produk daging akan diperiksa dari bahagian de-

KRONOLOGI KES RAMPASAN AYAM BEKU IMPORT DIRAGUI STATUS

28 Januari 2021
Lokasi: Bukit Kayu Hitam, Kedah
Berat: 31,200kg
Nilai: **RM187,000**

24 Januari 2021
Lokasi: Bukit Kayu Hitam, Kedah
Berat: 61,932kg
Nilai: **RM495,608**

23 Disember 2020
Lokasi: Rantau Panjang, Kelantan
Berat: 1,296kg
Nilai: **RM57,960**

24 September 2020
Lokasi: Rantau Panjang, Kelantan
Berat: 2,570kg
Nilai: **RM70,840**

31 Ogos 2020
Lokasi: Rantau Panjang, Kelantan
Jumlah: 90 kotak
Nilai: **RM38,600**

Kesemua ayam beku tersebut dibawa masuk dari Thailand.



Kotak mengandungi potongan ayam sejuk beku yang cuba dibawa masuk dari Thailand berjeva dirampas anggota Maqis pada Ahad.

Pinda akta, beri MAQIS lebih kuasa

Inisiatif tingkat keupayaan agensi tangani aktiviti penyeludupan produk makanan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) sedang disemak untuk pindaan bagi memperluaskan bidang kuasa kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Langkah itu antara lain bertujuan memberi lebih kuasa kepada MAQIS dalam menangani penyeludupan produk pertanian, termasuk bekalan daging import yang melanggar syarat ditetapkan pihak berkuasa negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata ketika ini, bidang kuasa MAQIS terhad dalam kawasan pintu masuk negara, sama ada di laut, darat atau udara, dengan melakukan pemeriksaan terhadap produk pertanian dan ternakan.

Beliau berkata, menerusi pindaan yang sedang disemak itu, pihaknya menjangkakan aspek penguatkuasaan akan menjadi lebih berkesan dan mampu mena-

ngani isu penyeludupan produk dengan lebih baik.

"Kita dalam peringkat pemeriksaan membabitkan pindaan akta terbabit untuk memperluaskan tanggungjawab serta kuasa MAQIS dan berharap ia dapat disejajarkan (sejurus Parlimen kembali bersidang kelak).

"Ya membabitkan usaha ke arah meluaskan kuasa MAQIS, berbanding sekarang yang hanya terhad di pintu masuk. Sepatutnya ia lebih luas sebab ini memang bidang MAQIS," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Ahmad berkata, sebaik melepasi pintu keluar daripada pelabuhan, bidang kuasa memeriksa sesuatu produk yang melanggar undang-undang, beralih kepada penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Justeru itu, bagi tujuan pemeriksaan lanjut untuk sebarang kecurigaan yang disedari selepas sesuatu produk berada di luar kawasan pengawasannya, MAQIS perlu mendapatkan kerjasama daripada agensi berkaitan seperti KPDNHEP, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan lain-lain.

Media sebelum ini mendedahkan, isu penyeludupan bekalan daging import yang diragui status halal dan kualitinya dengan 'membeli' pegawai beberapa agensi kerajaan untuk melepasi pintu masuk.

Justeru itu, tidak hairan apabila pihak tertentu yang menda-



Kita dalam peringkat pemeriksaan membabitkan pindaan akta terbabit untuk memperluaskan tanggungjawab serta kuasa MAQIS dan berharap ia dapat disejajarkan (sejurus Parlimen kembali bersidang kelak).

Ahmad Hamzah,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan

langi kemasukan daging import dengan status halal diragui dan tidak diiktiraf di negara ini, dikesan masih meneruskan kegiatan mereka.

Kelmarin, MAQIS Pulau Pinang

22.9 tan daging kambing guna logo halal palsu

Laporan disiarkan BH, semalam.

menyita daging kambing seberat 22,861 kilogram (kg) bernilai lebih RM480,000 dari New Zealand tanpa logo halal diiktiraf Malaysia, dalam pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT).

Mengulas mengenai kegiatan itu, Ahmad tidak menolak kemungkinan syarikat pengimport masih 'mencuba nasib' membawa masuk bekalan dengan logo halal yang tidak diiktiraf susulan permintaan tinggi di negara ini.

Beliau berkata, Tahap Sara Diri (SSL) daging negara ketika ini hanya 23 peratus, sekali gus membuatkan Malaysia terpaksa bergantung kepada bekalan import bagi menampung permintaan pasaran tempatan.

"Permintaan ketika ini tinggi sebab ramai orang makan di rumah. Atas sebab ini, kita membuka peluang kepada mana-mana syarikat memohon permit import (AP) bagi tujuan mengimport bekalan.

"Kerajaan tidak mempunyai had dalam memberikan AP kepada syarikat, namun perlu memenuh syarat ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, walaupun bi-

dang kuasanya hanya terhad di pintu masuk, namun pemeriksaan tetap dilaksanakan secara ketat bagi memastikan pemegang AP mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Sehingga kini, katanya, ada 318 syarikat pengimport yang berdaftar secara pentadbiran dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sehingga Disember lalu dengan 125 daripadanya ialah syarikat Bumiputera.

Sementara itu, beliau berkata, JPV bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) akan meninjau lokasi loji penyembelihan di luar negara sebelum dilaksanakan bagi tempoh satu hingga tiga tahun.

Katanya, ia adalah usaha kerajaan dalam memastikan bekalan produk pertanian yang dibawa masuk ke negara ini mengikut piawaian ditetapkan.

"Dari masa ke semasa, wakil badan Islam di negara berkenaan dilantik untuk melakukan pemantauan secara berkala. Ia bagi memastikan protokol import yang dipersetujui dipatuhi bersama, ini sudah diamalkan dan ditambah baik sejak 2016," katanya.

Cubaan seludup 31 tan ayam sejuk beku digagalkan

Alor Setar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah mengagalkan cubaan menyeludup 31 tan ayam sejuk beku, dianggarkan bernilai lebih RM187,000 dari negara jiran.

Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata lori kontena membawa ayam yang sudah dipotong dan diletakkan dalam 2,600 kotak itu ditahan dalam pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, jam 2 petang Selasa.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import, selain dipercayai dibawa dari pusat penyembelihan tidak diiktiraf serta meragukan.

"Kegagalan mengemukakan maklumat berkenaan adalah kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin

dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Lily Rosalind berkata, MAQIS komited dalam memastikan produk pertanian dan makanan yang diimport terpelihara terutama membabitkan aspek halal.

"MAQIS tidak akan memandang mudah perkara ini dan sentiasa komited memastikan keluaran pertanian diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar bagi memastikan sektor pertanian negara tidak terjejas," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan MAQIS Kedah merampas lebih 61 tan ayam sejuk beku dianggarkan bernilai RM496,608 yang cuba diseludup dari negara jiran melalui ICQS Bukit Kayu Hitam.



MAQIS Kedah merampas 2,600 kotak berisi ayam sejuk beku bernilai RM187,000 yang cuba diseludup dari negara jiran, kelmarin. (Foto ihsan MAQIS)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Pengusaha bot rayu dibenar turun laut

PORT DICKSON: Lebih 20 pengusaha bot memancing di sekitar Port Dickson, di sini hilang sumber pendapatan selepas tempahan terhadap bot mereka dibatalkan pada saat akhir sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 19 Januari lalu.

Seorang pemilik bot yang menyediakan perkhidmatan membawa pemancing, Shariman Nazri, 39, berkata, setiap kali PKP, masalah sama timbul dan mereka masih perlu menanggung kos penyelenggaraan bot setiap bulan.

"Kami bukan hanya tidak dibenarkan membawa pemancing malah tidak boleh turun ke laut bersendirian untuk mencari sumber pendapatan lain.

"Setiap bulan saya masih perlu membayar lebih RM3,500 termasuk ansuran pinjaman bot daripada bank, sewa parkir bot, insurans serta servis bot," katanya semalam.

Shariman berkata, dia mewakili 23 pengusaha bot memancing sekitar Port Dickson telah menghantar surat rayuan kepada Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Perikanan awal minggu ini supaya kelonggaran diberikan kepada mereka.

"Kami masih menunggu maklum balas daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kami merayu kerajaan memberi kelonggaran kepada pemilik bot pemancing sekurangnya membenarkan keluar sendiri ke laut untuk mencari hasil pendapatan keluarga seperti PKP fasa pertama sebelum ini," katanya.

Menurut Shariman, sekranya mendapat kebenaran MKN, proses seterusnya adalah memperoleh surat pelepasan daripada Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Perikanan supaya tidak ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ketika berada di laut.

Tasik Bukit Merah tapak santuari kelisa emas



Tasik Bukit Merah Perak.

BAGAN SERAI: Jabatan Perikanan Malaysia menjadikan Tasik Bukit Merah sebagai tapak bagi santuari ikan kelisa emas.

Bagi mencapai tujuan itu myKP Tasik Bukit Merah ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 50 orang diketuai Mohd Fadzil Din.

Penubuhan myKP bermatlamat untuk mewujudkan agro pelancongan santuari ikan kelisa emas di Tasik Bukit Merah.

Ia merupakan habitat semulajadi serta membuka peluang-peluang lain termasuk menjana pendapatan melalui pakej memancing.

Tasik Bukit Merah merupakan sebuah tasik yang terhasil daripada pembinaan empangan untuk sistem pengairan pertanian di daerah Kerian.

Tasik yang berkeluasan 3,628 hektar terkenal sebagai habitat semulajadi ikan kelisa emas di peringkat global yang mempunyai kecantikan warna kilauan

emas dan berkualiti tinggi.

Spesies itu merupakan khazanah negara yang dilindungi. Sebagai langkah awal sebuah jeti projek santuari dibina dan pelepasan benih ikan kelisa dijalankan.

Projek itu turut mendapat perhatian Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria.

Baru-baru ini beliau melawat projek santuari berkenaan dan diberi taklimat oleh Ketua Cawangan Perlesenan Jabatan Perikanan Malaysia negeri Salehudin Ismail.

Pada lawatan tersebut anggota Exco menaiki bot ke lokasi pelepasan benih ikan kelisa emas.

Razman turut menyampaikan sumbangan tunai kepada ketua kumpulan myKP sebagai saguhati. Turut hadir Ketua Perikanan Daerah Kerian Sahiburrahman Ahmad.

Tanaman musnah, petani rayu bantuan

SAUDARA PENGARANG,

MUSIM tengkujuh yang melanda Pantai Timur pada akhir tahun lalu benar-benar memberi kesan kepada penduduk.

Ini kerana bukan sahaja barangan dan kenderaan musnah akibat banjir tetapi turut memberi kesan terhadap sumber pendapatan.

Dalam keadaan negara sedang berhadapan penularan kes Covid-19, sudah pasti bencana banjir memberi kesan terhadap rakyat yang sudah sedia mengalami kesukaran dan terbeban dalam meneruskan kehidupan.

Saya yang merupakan seorang ibu tunggal terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM30,000 apabila hasil tanaman sayuran musnah akibat banjir.

Saya mengusahakan tanaman sayuran bersama anak sejak 2017, tidak mempunyai modal untuk memulakan musim baharu selepas menanggung kerugian besar.

Justeru, saya merayu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan agar dapat membantu usahawan bumiputera yang terkesan akibat banjir. Sebelum ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah memberitahu, kementerian akan mengenal pasti jumlah petani, penternak dan nelayan di seluruh negara yang terjejas akibat banjir termasuk kerugian dialami mereka. Insentif itu akan diberikan selepas siasatan dijalankan pihaknya sejurus tamat musim tengkujuh.

Diharapkan bantuan secara menyeluruh diberikan tanpa terlalu banyak syarat dan birokrasi.

SELMAH HAMZAH

Bera, Pahang



Saya mengusahakan tanaman sayuran bersama anak sejak 2017, tidak mempunyai modal untuk memulakan musim baharu selepas menanggung kerugian besar.



TANAMAN sayuran yang rosak akibat bencana banjir menjejaskan pendapatan Selmah Hamzah sekeluarga.

Cuaca tidak menentu, harga sayur meningkat

Oleh **SRIHAYANIS ABASRI**
(Wartawan kadet)

KLANG: Harga barangan di pasaran meningkat kerana faktor cuaca yang tidak menentu terjadi di kawasan yang membekalkan pengeluaran sayur-sayuran.

Faktor ini menjejaskan kualiti dan kuantiti pengeluaran barangan keperluan seperti sayur-sayuran berkurangan.

Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Sri Alexander Nanta Linggi berkata, barangan sayur-sayuran seperti tomato dan sawi, meningkat.

Manakala, barangan yang diimport dari pelbagai negara didapati harganya menurun.

Alexander berkata, Kementerian telah memeriksa 258 premis peruncit dan pembekal melalui Op Pasar 2021 (sayur-sayuran) pada 12 hingga 18 Januari lepas melibatkan lima jenis 'sayuran lalau tomato, cili merah, minyak serta cili merah kulai, lobak dan kubis bulat.

"Sebanyak 246 notis bertulis telah dikeluarkan kepada peniaga untuk memantau aktiviti kenaikan harga yang berlaku dan mengesan sekiranya wujud sebarang elemen pencatutan," katanya dalam kenyataannya, pada 20 Januari.

Elemen pencatutan yang membawa maksud mengambil keuntungan secara melampau adalah salah sama sekali di dalam sesebuah perniagaan dan akan dikenakan tindakan sekiranya didapati bersalah.

Tinjauan *Harakah* ingin menemuwailah pengguna di sebuah pasar raya terdekat, di sini.

Pengguna bernama Faizal, 34, berkata sepanjang beliau membeli barang keperluan di sini, beliau tidak perasan ada harga barangan yang naik.

"Nak diikutkan harga barangan dahulu dengan sekarang, dahulu lagi mahal. Contohnya, nak dapatkan pelitup muka sekotak berharga RM50. Sekarang, mana-mana kedai, kita boleh dapatkan harga bawah RM30 untuk sekotak.

"Setakat ini, saya membeli barangan keperluan,

Saya tak membantah kerajaan Malaysia mengarah premis perniagaan dibenarkan beroperasi pada jam tertentu kerana ini adalah tanggungjawab bersama untuk mengurangkan pandemik Covid-19



Stok barangan sentiasa ditambah demi keselesaan pengguna.

belum lagi jumpa pembeli lain yang melakukan pembelian panik itu," katanya.

Semasa tinjauan dibuat, beliau kelihatan tenang ketika memilih barang yang hendak dibeli.

"Saya tak membantah kerajaan Malaysia mengarah premis perniagaan dibenarkan beroperasi pada jam tertentu kerana ini adalah tanggungjawab bersama untuk mengurangkan pandemik Covid-19," ujarnya.

Di musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini ada pengguna yang menukar gaya hidup ke arah yang lebih sederhana dan ringkas agar lebih jimat di samping tidak membazir.

Ragi pengguna yang hanya mahu dikenali Zam Zam Said, 43, berkata sejak PKP, dia telah menukar gaya hi-

dup yang lebih ringkas dan menjimatkan.

"Harga barangan yang terkawal tidak menjadi apa masalah kepada saya kerana saya sudah menukar dari bahan basah kepada yang ringkas seperti makanan segera.

"Dahulu, saya membeli bahan basah seperti sayur, udang dan ikan. Sekarang ini, saya sudah menukar menu di rumah menjadi masakan yang ringkas lalau memasak bahun.

"Sekarang semua kedai tutup awal. Jadi, kita perlu peruntukan waktu yang ada dengan baik untuk membeli barangan keperluan.

"Saya sendiri pernah mengalami apabila tidak menyemak keperluan anak di rumah seperti susu anak, lalu ia agak sukar untuk saya hadapi.

"Tak dapat nak keluar beli, sebab kedai dah tutup. Dari situ, saya perlu teliti apa yang kurang barangan keperluan di rumah.

"Kaedah pembayaran barangan pula, saya rela untuk memilih sistem membayar sendiri. Kita yang akan timbas barang tersebut dan masukkan barang itu ke dalam beg mesra alam kepunyaan kita sendiri," katanya.

Beliau amat menitik beratkan penggunaan plastik yang pastinya boleh berlakunya pencemaran jika digunakan dalam kehidupan seharian.

Setelah itu, tinjauan terus ke barisan kaunter pembayaran untuk menemuwailah seorang pembeli yang mahu dikenali sebagai Amin, 30.

"Kadar harga barangan sejujurnya saya tak peka. Walau bagaimanapun ada sesetengah pihak yang melakukan pembelian panik ini sepatutnya tidak perlu.

"Ini kerana, kerajaan sudah sedia maklum bahawa barangan akan dikawal dan tidak perlu bimbang untuk memborong semua barangan yang ada sehingga kehabisan stok di pasar raya," katanya.

"Jadi, kita tidak perlu mengikut trend untuk memborong sesuatu produk demi memuaskan

hati sendiri tanpa memikirkan keperluan pengguna lain.

"Saya lebih gemar untuk keluar membeli barangan daripada membeli barangan di dalam talian. Kita akan mendapat kepastian jika kita membeli-belah secara berdepan.

"Saya sangat setuju jika premis perniagaan hadkan sehingga jam 8 malam kerana penularan Covid-19 makin hari makin membimbangkan kita semua," ujarnya.

Sehubungan itu, kita haruslah membeli barangan yang diperlukan sahaja untuk keluarga kerana jika membeli barangan secara berlebihan ia merupakan satu pembaziran.

Oleh itu, kita perlu bijak dalam mengurus perbelanjaan dan sentiasa membuat perbandingan harga semasa hendak membeli barangan demi mengelakkan diri dan keluarga menjadi rugi semasa membeli.

Justeru, kerajaan akan terus memantau bekalan dan harga barangan di pasaran di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan AKHAP 2011 khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 bagi memastikan tiada berlakunya masalah kekurangan bekalan barangan keperluan dan kenaikan harga yang mendadak.



Zam Zam Said, 43



Faizal, 34



Barangan keperluan seperti sayur-sayuran berkurangan pasaran meningkat kerana faktor cuaca yang tidak menentu terjadi di kawasan yang membekalkan pengeluaran sayuran.